

Tasawuf Dan Perkembangannya

Jika ahli-ahli sains dalam kemajuan kebendaannya hari ini berlumba-lumba menunjukkan kebolehan terbang ke angkasa lepas maka “Ahli-ahli Allah” daripada ahli-ahli tasawuf telah lebih dahulu merentas dan menembus mengalahkan halangan masa dan lapangan. *Conquor of Time and Space* dengan kekuatan “*Suryān al-Rūh*” lebih jauh daripada angkasa lepas.

(Oleh: Doktor Burhanuddin)

Menerangkan “tasawuf” kenal menerangkan “feqah” yang menjadi dua sebayu ilmu Islam. Sebagaimana feqah telah jadi ilmu Islam, demikianlah tasawuf. Feqah terkenal dengan ilmu zahir dan tasawuf dengan ilmu batin. Kedua-dua ilmu ini sama-sama mengambil daripada al-Qur’ān dan al-Sunnah. Tetapi feqah menerangkan ke luar dan tasawuf menerangkan ke dalam. Feqah tumbuh ke luar dengan berpuluh-puluh mazhab besar dan kecil manakala tasawuf tumbuh pula ke dalam dengan berpuluh-puluh “*sulūk*” dan “*ṭarīqah*”. Ilmu feqah boleh dipelajari daripada kitab-kitab tetapi ilmu tasawuf menukil mendalam kenal ambil ijazah dan persetujuan. Ilmu feqah cukup dengan dapat dalil dan hujah daripada al-Qur’ān dan al-ḥadīth tetapi “*Ijāzah Ṭarīqah Ṣūfiyyah*” itu hendaklah terang salasilahnya sehingga kepada Rasulullah. Sebagaimana feqah tidak ada yang boleh berlawan dengan Qur’an dan hadith, demikian jua tasawuf sekalipun yang dinamakan “*futuh* atau *kashaf*” tidak boleh dipakai bila berlawan dengan al-Qur’ān. Ini adalah pengakuan ulama-ulama tasawuf itu sendiri.

Ulama-ulama feqah mengadap ke luar memahamkan Qur’an dan hadith kerana feqah itulah undang-undang masyarakat dan negara Islam maka feqah dipakaikan dalam msyarakat dan negara manakala tasawuf mengadap ke dalam memahamkan Qur’an dan hadith dengan membahas dan mempelajari seni-seni roh dan hikmah serta rahsia isi Qur’an. Sedangkan sama-sama ulama feqah atau ulama zahir itu tidak sependapat memahamkan Qur’an jadi bermazhab-mazhab apatah lagi bila

dibandingkan dengan tasawuf masing-masing telah berlain hadap sebagaimana feqah itu berpecah kepada beberapa mazhab demikianlah keluasan ilmu al-Qur’ān itu menimbulkan ulama-ulama tasawuf itu kepada beberapa suluk dan tarekat – semuanya untuk kesempurnaan Islam.

Perkembangan ulama-ulama ke luar dan ke dalam inilah kebesaran mukjizat al-Qur’ān sehingga dari kurun pertama hingga kurun kelima Hijrah habislah segenap ceruk dan penjuru ilmu al-Qur’ān itu dibongkar dan dipelajari oleh ulama-ulama Islam sehingga nyata mukjizat al-Qur’ān itu sumber segala jenis ilmu (*manba’ al-‘ulūm*) yang tidak habis-habis.

Pada zaman Nabi dan zaman Sahabat tidak ada sebutan tasawuf seperti tiadanya sebutan mazhab-mazhab. Manakala Islam dan kedaulatannya berkembang pada kurun hijrah pertama itu mulalah benih-benih perkembangan tasawuf itu bertumbuh seperti tumbuhnya benih-benih mazhab-mazhab itu dan bertambah kembanglah tasawuf itu pada kurun kedua dan ketiga lalu seterusnya kepada kurun-kurun yang ke belakang setelah timbul dalam tiap-tiap kurun itu “*mujaddid-mujaddid tasawuf*”.

Perkataan tasawuf itu masih berbalah-balah orang mengatakan ambilannya. Ada yang mengatakan daripada bahasa Greek (*theosoph*) iaitu ibarat alam hikmah ketuhanan ada yang mengatakan daripada perkataan “*ṣūf*” yang bererti

bulu kerana orang-orang tasawuf itu pada mulanya kelihatan lazim berpakaian bulu-bulu berwarna hijau atau bulu kasar, ada pula yang mengatakan daripada perkataan “*saffa*” yang bererti bersih jernih, ada yang mengatakan daripada perkataan “*suffah*” iaitu golongan Ahli *al-Suffah*.

Daripada beberapa punca ambilan itu saya lebih bersetuju dengan pendapat yang mengatakan tasawuf itu diambil hubungannya daripada Ahli *al-Suffah*. Kerana itu saya terangkan sedikit berkenaan Ahli *al-Suffah* ini.

“Ahli *al-Suffah*” terkenal dalam hadith iaitu segolongan manusia yang tinggal di masjid al-Rasul di masa Rasulullah hidup di masjid Madinah. Sebagaimana dimaklum bahawa di suatu penjuru bilik masjid itu Rasulullah tinggal di situ sebagai rumahnya demikianlah pula di serata sudut bilik yang lain ada sekumpulan orang-orang yang dipandang seperti orang-orang miskin tiada berapa bercampur dengan orang ramai mereka membawa hal diri mereka sendiri. Orang-orang ini dapat layanan dan perhatian khas daripada Rasulullah. Bila selesai orang-orang ramai daripada sembahyang jamaah di masjid itu masing-masing pun pulang ke rumah masing-masing tetapi orang yang duduk di bilik masjid itu balik mereka ke sudut khas mereka malam hari lepas selesai sembahyang Isya’ dengan orang-orang inilah kelaziman Rasulullah berkawan-kawan bermuzakarah beriktikaf beribadat berjaga dan bersembahyang malam. Orang-orang kumpulan ini tiada ambil hirau keadaan orang ramai atau hal dunia lebih banyak berhadap kepada ibadah. Kumpulan orang-orang inilah dipanggilkan Ahli *al-Suffah*.

Hal Ahli *al-Suffah* ada disebutkan dalam beberapa hadith. Dalam suatu riwayat Siti Fatimah dan Ali dalam kesempitan setelah putus mushawarah keduanya lalu pergi ke rumah Rasulullah kerana memohonkan kurnia sebahagian harta rampasan yang diuntukkan kepada Rasul-



Ahli jawatankuasa Jabatan Syarahan “Ma’ahad Muḥammadi” Kota Baharu, Kelantan – kiriman Ismail Abdullah – memperkenalkan diri. Pengenalan dari kanan (duduk) En. Ismail Abdullah (Ketua Satu) dan En. Wan Yusuf (Ketua Dua). Dari kanan (berdiri) Mahmud Zuhdi Haji Abdul Majid, Ahmad Muhammad dan Wan Ahmad Wan Yunus.

Allah itu setelah dirundingnya, Rasulullah tiada dapat mengkabulkan permintaan anak dan menantunya kerana harta-harta itu akan diberikan kepada Ahli *al-Suffah*. Demikianlah Rasulullah mengutamakan Ahli *al-Suffah* daripada anak kandung dan menantu sendiri. Kerana perkembangan ahli-ahli ibadat seperti Ahli *al-Suffah* terus setelah wafat Rasulullah dan orang-orang Ahli *al-Suffah* bertaburan berhijrah ke seluruh

negara kedaulatan Islam maka perkembangan mereka itu dalam beribadat serta langkah mereka itu akhirnya dikenal dengan “Ahli Tasawuf”.

Perkembangan Islam ialah perkembangan al-Qur’ān dan perkembangan kedaulatan Islam, al-Qur’ān tidak berkembang jika tidak berkembang daulat Islamiyyah itu al-Qur’ān itulah yang mengeluarkan sumber ilmu zahir, ilmu batin dan hikmat.

Rasulullah pada masa hayatnya memegang semua teraju Islam zahir dan batin duniawi dan ukhrawi – pemerintah hukum damai dan perang. Setelah wafatnya diketuai oleh Mu’awiyah. Maka dalam semua bentuk pemerintah dan kerajaan kedaulatan Islam itu semuanya memakai undang-undang dan peraturan al-Qur’ān dan al-Sunnah serta ijthad maka daripada sinilah timbulnya ahli-ahli hukum dan ahli-ahli undang-undang Islam yang terkenal kemudiannya dengan ulama-ulama feqah dan feqah itu berpecah kepada beberapa ijthad dan mazhab. Islam bukannya sahaja kembang di negeri Arab tetapi kembang ke negeri-negeri yang tidak berbahasa al-Qur’ān (Arab) ke Timur dan Barat ke Utara dan ke Selatan Eropah, Afrika, Parsi, India, Russia, China kembang dengan pemerintah dan kerajaan kedaulatan Islam dengan hukum-hukum badan undang-undang Islam mengikut sesuatu pada mazhab itu.

Ahli-ahli feqah mazhab-mazhab itu mempengaruhi dan menguasai dengan kekuatan undang-undang feqah-nya tidaklah dapat mereka mempengaruhi dan menguasai jiwa orang yang berbagai-bagai agama dan berbagai-bagai iktiqad dan kepercayaan daripada agama Zoroaster Hindu – Buddha, Kristian dan Yahudi yang tinggi pula dalam ilmu jiwa, budi falsafah sihir dan hikmah maka ulama-ulama tasawuf-lah yang dapat mempengaruhi dan mengalahkan dan menguasai dengan tarikan ilmu tasawuf-nya hingga mereka pada zahirnya tunduk kepada kedaulatan Islam dan pada batinnya tunduk

kepada Allah dan dengan sukarela berabdikan kepada Allah dan Tuhan memperlihatkan karamah kepada mereka yang berkenaan.

Ulama-ulama tasawuf itu tidak ambil pusing dengan dunia, mereka masyghul dan leka asyik dengan beribadat dan menghampirkan diri kepada keredhaan Allah. Mereka mempelajari sedalam-dalamnya akan maksud ayat “*Wa fi ānfusikum āfalā tubṣirūn*”. Dalam diri kamu kenapa tidak kamu tilik?. “*Nahnu āqrabu ‘ilayhi min ḥabli Warīd*”. Kami (Allah) lebih hampir daripada urat leher (diri kamu) sendiri “*Fadhkurū Llāha dhikrā kathirā*”. Berbanyak-banyaklah kamu mengingat Allah. “*Al-dhākirū Allāha kathirā wa al-dhākirāt*” Laki-laki yang banyak mengingat (berzikir) dan mikian¹ jua perempuan yang banyak mengingat Allah.

Cerita Uwais al-Qarni dalam riwayat yang termasyhur Antara ahli tasawuf iaitu pada suatu hari Rasulullah berpesan kepada Saiyidina Umar dan Ali maksudnya:

“Berbahagialah kamu kedua yang dapat berjumpa dengan Uwais al-Qarni yang berpakaian bulu berlumusan debu doanya sangat makbul, jika ia bersumpah Allah taatkan sumpahnya jika kamu kedua bertemu dengannya sampaikan salamku”, kemudian Rasulullah menerangkan sifat-sifat Uwais al-Qarni itu datangnya pada musim haji dalam kafilah haji orang-orang Yaman.

Selama Abu Bakar jadi khalifah tiap-tiap kafilah haji dari Yaman berkejar-kejar kedua-dua Umar dan Ali mencari orang itu sehingga tiga empat tahun Umar jadi khalifah kemudiannya baharulah bila orangnya memberitahu kafilah Yaman telah sampai, maka Umar pun berkejar-kejar tiba-tiba Ali telah lebih dahulu sampai sedang bercakap-cakap dengan ketua kafilah itu berkata “Tidak siapa-siapa lain dalam kafilah ini. . .” Kemudian ia diam sejeurus lalu berkata lagi “Tunggu, tunggu. . . ada seorang miskin tak campur orang ia mengembala kambing-kambing kami, tetapi masakan orang

¹ Perkataan sebenar ialah, demikian.



Duli-Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong, tatkala tiba menghadiri Peraduan Membaca al-Qur'ān peringkat kebangsaan yang diadakan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini.

itu yang tuan maksud”, belum habis cakap ketua itu Umar menyampuk rupa orang itu begini-begini dan begini-begini, tercengang ketua itu kerana sifatnya sangat tepat dan jelas, lalu ketua itu berkata “Awak menerangkan sifat orang itu lebih jelas dari saya” Ketua itu tidak kenal Saiyidina Umar.

Setelah ditunjukkan, berkejar-kejaranlah keduanya menuju gembala kambing itu, bila sampai lalu diberi salam dan dijawabnya – bila ditanyakan namanya oleh Umar jawabnya “Abdullah – hamba Allah” Tanya Umar lagi “Semua kita hamba Allah”, saya hendak tahu nama yang dinamakan oleh ibu bapa engkau”

sahutnya “Apakah kehendak kamu hendak mengacau ku” maka Ali pun memperkenalkan dirinya dan memperkenalkan Umar dan menyampaikan salam Rasulullah, mendengar itu baharulah ia mengangkat kepalanya menyambut dengan baik.

Ali pun memohonkan supaya ia mendoakan kepadanya, sahutnya “Aku hendak mendoa ditentukan kepada seseorang, doaku kepada sekalian mukminin.”

Setelah beberapa perkara dipersoal jawabkan ia pun berpaling daripada keduanya hendak membawa halnya sendiri, maka Ali pun berkata “Kami bersusah payah datang hendak berjinak-jinak dan beramah tamah dengan engkau, maka demikian engkau perbuat kepada kami” Jawabnya “Hairanlah aku kepada orang yang ada mempunyai tuan tidak beramah tamah dengan tuannya aku mengutamakan ramah tamah dengan TuhanKu” Mendengarkan itu Umar menghempaskan diri menangis, kemudian ia pun memberikan doa dan pesannya ia pun tunduk kembali dengan zikirnya.

Inilah suatu gambaran perkembangan yang menimbulkan tasawuf itu dari zaman *Khulafa' al-Rashidin* lagi.

Ulama tasawuf sama sekali tidak mencampur dengan masalah “*khilāfiyyah dan zanniyyah*” misalnya dalam pada ulama feqah membahaskan dengan panasnya adakah menyebut saiyidina dalam *tahiyyat* itu bida'ah atau Sunnah? Ulama batin tasawuf itu sibuk dengan mengarangkan selawat-selawat, hizib, aurad dan zikir. Dan dalam ulama feqah membahaskan “*Alladhīna hum 'ala ṣolāatihim dā'imūn*”. Sembahyang mereka berkekalan ialah mengekalkan sembahyang dalam waktunya yang lima tidak ditinggal-tinggalkan sembahyang tidak lambat-lambatkan daripada waktunya. Manakala ulama tasawuf itu tidak soal lagi, yang jadi soal bahas mereka bagaimana sembahyang itu berkekalan dalam tiap-tiap nafas dan turun naiknya sehingga tiada dapat dimasuki “lalai” bererti sesat dan gelap akan membawakan syirik dengan sentiasa ingat dengan

maksud sembahyang itu dapatlah nikmat sembahyang (*Qurrata 'aīnī fī al-ṣolāt*) bukan sahaja tunduk bangkit ruku' sujud sembahyang itu dipersoalkan lagi.

Jika kita simpulkan pendirian ulama feqah ialah menunaikan kewajipan hujah dan dalil mengikut ijthad *zannī*, manakala ulama tasawuf kewajipan sudah tetap wajib ditunaikan tidak pada dengan *zannī* sahaja mestilah putus pada “makrifat” dan “hakikat” yang sebenarnya dengan *'aīn al-yaqīn* dan *haqq al-yaqīn* bertaqarrub dan mendapat keredhaan Allah, beribadat bagi mereka bukan kerana wajib atau fardu tetapi oleh rasa ikhlas *'ubūdiyyah* kepada Allah semata-mata dengan penuh rasa cinta muhibbah dan menyerah kepada Maha Pencipta Yang Maha Esa.

Kita memandang sebentar kepada sejarah keemasan Islam di zaman kerajaan Abbasiyyah di Baghdad jika kita bandingkan dengan kemajuan tamadun kebendaan hari ini nescaya nilai kemajuan dan tamadun kerajaan Islam di Baghdad itu jauh lebih tinggi daripada nilai tamadun hari ini pada zahir dan batin, tamadun hari ini masih jauh ketinggalan dan tempang. Jika tidaklah tamadun dan kemajuan Islam di Baghdad itu haruslah tamadun dan kemajuan hari ini tidak pernah ada setakat yang ada hari ini.

Bandar Baghdad Abbasiyyah itu jadi bandar masjid yang besar-besar istana mahligai rumah yang indah-indah, taman-taman bunga yang beraneka warna yang tidak ada tolok bandingnya dalam dunia. Hadiah jam Harun al-Rashid kepada Maharaja Charlemagne di Eropah nyata dalam sejarah dikatakan benda sihir orang pandai di Baghdad, cerita 1001 malam hingga hari ini jadi sumber ilham novel-novel hari ini. Majlis kahwin Makmun dengan Buran belum ada tolok bandingnya dalam dunia ini dengan mencurahkan sebanyak itu mutiara kasturi pinggan-pinggan emas dan perak serta permata

yang indah-indah mahal. Lebih 60,000 tempat mandi air panas dan sejuk seluruh bandar Baghdad, makanan dan minuman yang beraneka jenis masakan-masakan yang lazat, madrasah-madrasah, kolej-kolej dan universiti berkembang, kitab-kitab yang bergunung-gunungnya dalam pustaka, berbagai-bagai lukisan dan seni pertunjukan rekaan alat muzik bermacam pakaian dan perhiasan-perhiasan yang halus-halus dan mahal-mahal, aneka warna seolah-olah syurga dunia mewah dan makmur kerana kebesaran dan syukur kepada Allah. Dalam masa kemajuan dan tamadun yang demikianlah ulama tasawuf berkembang memuncak mengisi budaya batin dan ikhlas perseorang dan masyarakat negara sebagaimana zahirnya begitu maju dan tinggi mutu tamadun, demikianlah batinnya diisi dan dihias pula dengan aneka nilai ketinggian budaya akhlak, kemanusiaan dan takwa oleh ulama tasawuf yang terkenal seperti al-Kharaz, Abu Yazid al-Bustami, Ibn al-Karanbi, al-Muhasibi, Ma'aruf al-Karḍi, Abdul Qadir al-Jailani, Junaid al-Baghdadi dan lain-lainnya lagi, zahir batin negara diarah dan dipimpin oleh ulama-ulama zahir dan batin ke arah tunduk dan bersyukur ke hadrat *Rabb al-'ālamīn*.

Suatu contoh cerita orang-orang tasawuf itu terang-terang kerana Allah, iaitu seperti Saqti seorang tasawuf yang terkenal di pasar Baghdad itu berniaga barang-barang rempah kemangu², dalam ia berzikir dirumahnya datanglah orang memberitahu pasar Baghdad itu terbakar supaya ia lekas menyelamatkan kedainya, Saqti menyahut “Selamatlah a, lepasilah aku daripada menjaganya lagi.” Setelah selesai zikirnya baharulah ia pergi melihat kedainya tiba-tiba kedainya tidak dimakan api. Maka kedai itu pun disedekahkan semuanya kepada fakir miskin, teruslah ia dengan amalan tasawufnya.

Ulama feqah yang besar-besar seperti Imam Malik dan al-Shafi'i pun pada akhirnya umurnya adalah mengamalkan cara hidup tasawuf dengan waraknya.

Sambungannya di muka 37

² Perkataan sebenar ialah kemangi


Dari muka 18

Bila al-Shafi‘ī balik kali yang kedua menghadap gurunya Imam Mālik ia terperanjat melihat gurunya telah hilang waraknya kerana gurunya telah memakai jubah yang labuh panjang hingga ada orang yang mengangkatkan jubahnya bila ia berjalan dan duduk mengajar pula di atas tilam tinggi. Bila al-Shafi‘ī dibawa balik ke rumah gurunya bertambah hairan lagi kerana rumah gurunya telah penuh dengan berbagai-bagai perhiasan bermacam-macam indah dan mahal-mahal tambahan pula dengan beberapa ekor kuda yang bagus-bagus bertambatan-tambatan yang merupakan gurunya telah terpengaruh oleh dunia. Bila al-Shafi‘ī bertanya “Telah beberapa hari saya di sini kenapakah tidak sekalipun tuan menunggang kuda-kuda yang indah tangkas ini pergi ke masjid?” jawab Imam Mālik “Masakan aku gamak menjijak-jijak dengan kaki kudaku

padahal dibawahnya Rasulullah berbaring.” Mendengar jawapan itu al-Shafi‘ī pun menangis. Imam Mālik pun berkata “Wahai al-Shafi‘ī! Semua harta-harta dunia ini hadiah raja-raja, orang besar-besar kepada aku sewaktu engkau pergi musafir belajar dahulu, semuanya ini aku simpankan kerana engkau sekarang ambillah semuanya kalau hendak, tinggalkan cuma barang-barang yang ada engkau lihat masa engkau datang dahulu sahaja.”

Bila Shafi‘ī membawa balik kuda-kuda dan unta-unta, harta-harta dan kekayaan itu waktu sampai di sempadan kampung ibunya, riuhlah orang-orang menyampaikan khabar kepada al-Shafi‘ī telah balik membawa harta kekayaan dunia yang banyak.

Ibunya berkata kepada orang-orang itu” Beritahu al-Shafi‘ī jika ia hendak berjumpa dengan ibunya hendaklah



Suatu pemandangan di dalam Bandar Bahrain, sebuah negeri minyak yang kaya di Timur Tengah.

ia berjumpa bagaimana ia meninggalkan ibunya dahulu jua yang aku suruh ialah mencari ilmu bukan harta.”

Setelah habis semua harta kekayaan yang dibawa oleh al-Shafi‘ī itu disedekahkan kepada fakir miskin baharulah al-Shafi‘ī diterima datang dengan sukacitanya.

Menyiasat perkembangan tasawuf yang sederhana bolehlah menyiasat kitab-kitab *Hujjah al-Islām* al-Ghazali bagaimana ia daripada ahli zahir jadi ahli batin.

Kerana kejatuhan kedaulatan Islam maka tasawuf telah dinodai berbagai-bagai kekarutan begitupun hari ini ahli-ahli tasawuf dengan tarekatnya terus jua hidup di seluruh dunia Islam dengan tabiatnya yang warak- tawaduk dan ikhlas tekun dengan sembahyang iktikaf dan zikirnya. Malangnya banyaklah orang-orang tasawuf kolot dan fanatik jahil dan *maghrur* yang telah berpusu-pusu dikeliling kubur wali-wali dan keramat-keramat yang telah memutar dan memusingkan ajaran tasawuf yang sebenarnya hingga boleh menjatuhkan kepada syirik.

Zaman kebangung dan kesedaran kaum intelek terutama dalam lapangan falsafah - perbandingan agama dan iktikad, psikologi, metafizik, ilmu *al-arwāh* psikoterapi, kosmologi, mistik maka tasawuf mendapat tempat yang tinggi sekali untuk kajian dan ilmiah pada hari ini. Sayangnya kajian-kajian ini di akademi-akademi dan di universiti-universiti di dunia Barat, tetapi di Timur seolah-olahnya tasawuf itu di kubur-kubur, wali-wali dan keramat-keramat. Sebagaimana orang-orang Barat itu maju dalam menembusi angkasa lepas dalam sains mereka maka sekarang mereka sedang mempelajari dan berlatih dalam lapangan ilmu misal dan alam *arwāh* yang telah sedia diketahui dengan luasnya oleh pengalaman ahli tarekat sufyyah.

Sampailah masanya ilmu tasawuf ini dikaji semula bagi persesuaian zaman atom ini.

Wasiat Saiyidina Ali

Saiyidina Ali bin Abi Talib, telah berwasiat kepada anakandanya Saiyidina Hassan *radīyy Allahu ‘anhuma*, katanya;

“Anakanda! Awaslah akan tiga perkara dan turutlah akan tiga perkara, malulah dari tiga perkara dan kerjakanlah dengan segera akan tiga perkara, larikanlah dirimu dari tiga perkara dan salahilah tiga perkara, takutlah akan tiga perkara dan harapkanlah tiga perkara.

Saiyidina Hassan berkata: “Cuba huraikanlah ayahanda!”

Saiyidina Ali pun menghuraikannya dengan berkata: “Awaslah daripada perasaan takbur dan perasaan marah serta perasaan haloba yang terkeji.

Turutkanlah akan Kitab Allah dan Sunnah RasulNya dan orang-orang yang soleh.

Hendaklah kamu bersegera takut daripada mengerjakan maksiat, dan bersegeralah pula kepada bertaubat, serta bersegera kepada menuntut ilmu.

Anakanda hendaklah melarikan diri daripada berdusta, berkhianat dan melakukan aniaya.

Jauhkanlah dirimu daripada kejahatan dan orang-orang yang jahat, dari perbuatan munafik dan orang-orang yang munafik, dari perbuatan *aḥmaq* (degil) dan orang-orang yang *aḥmaq*.

Takutlah kepada Allah, dan akan orang-orang yang tidak takut kepada Allah, dan juga akan tikaman lidahmu.

Berharaplah kepada Allah bagi mengampuni dosamu, dan bagi menerima amalmu, dan juga bagi mendapat akan syafaat Nabimu!
